

05/07/2003

MSC capai kejayaan cemerlang melebihi jangkauan: Dr Mahathir

Hassan Omar

KUALA LUMPUR: Koridor Raya Multimedia (MSC) mencapai kejayaan cemerlang kerana setakat ini 850 syarikat beroperasi di kawasan berkenaan, melebihi

jangkaan asal hanya 350 syarikat, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kejayaan berkenaan memadamkan dakwaan sesetengah pihak kononnya MSC gagal mencapai matlamat yang hanya berdasarkan ukuran pembangunan jumlah bangunan di kawasan itu.

Dr Mahathir berkata, dengan 850 syarikat yang beroperasi di MSC sepanjang 50 kilometer dari Menara Kuala Lumpur ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) menyaksikan pembangunan pesat di Cyberjaya.

"Sekarang Shell mempunyai pusat pembangunan di Cyberjaya, HSBC (Hongkong and Shanghai Bank) dan DHL sudah mempunyai ibu pejabat di situ.

"Kita memberikan layanan baik kepada pelabur asing. Kita menyediakan infrastruktur lengkap, undang-undang siber dan sumber manusia yang mampu menjalankan tugas dalam bidang teknologi maklumat (IT) dan berurusan dengan pelabur berpotensi," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian pada majlis makan malam Persatuan Alumni Imperial College di Palace of The Golden Horses, Seri Kembangan dekat sini malam tadi.

Turut hadir Pesuruhjaya Tinggi Britain di Malaysia, Bruce Elliot Cleghorn dan Presiden persatuan berkenaan, Dr Foo Ban Nyen.

Imperial College yang berpusat di London adalah antara institusi pengajian tinggi terkemuka United Kingdom yang melahirkan ramai graduan dalam bidang kejuruteraan dan perubatan.

Dr Mahathir berkata, kerajaan memajukan IT dengan menyediakan infrastruktur lengkap di MSC kerana negara tidak boleh lagi bergantung kepada pembangunan industri berasaskan perkilangan.

Menurut Perdana Menteri, kemajuan dunia pada masa depan ditentukan melalui kemajuan dalam bidang IT dan negara yang tidak mampu mengejar kemajuan bidang berkenaan akan ketinggalan daripada arus kemajuan dunia.

Sambil menegaskan kepentingan pembangunan IT, Dr Mahathir menekankan kepentingan pembangunan Lembah Bio yang berasaskan kekayaan sumber alam semula jadi hutan hujan tropika di negara ini.

Sehubungan itu, beliau mengulangi tawaran kerajaan kepada saintis, penyelidik dan firma farmaseutikal asing supaya membantu usaha kerajaan memajukan bidang berkenaan.

"Memang kerajaan tidak mampu memberikan gaji lumayan seperti yang anda peroleh di luar negara, tetapi saya percaya anda semua patriotik kepada negara," katanya.

Katanya, ia kerana projek Lembah Bio tidak dapat dilaksanakan oleh Malaysia secara bersendirian kerana penyelidikan dalam bidang bioteknologi memerlukan kepakaran dan perbelanjaan tinggi.